


Jilid 1
Bil. 82



Hari Khamis
3hb November, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11649]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 11685]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 11685]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang dDipertua DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P, S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P, P.M.K. (Kota Bharu)
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S., (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P. D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N., (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Pedas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau)
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukad).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.P.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

Yang Berhormat WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 3hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KURSUS LATIHAN
PERGURUAN—PEMILIHAN
CALON-CALON

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan bolehkah garis panduan yang digunakan oleh Lembaga Temuduga mengenai pemilihan calon-calon bagi mengikuti kursus latihan perguruan itu, dimaklumkan kepada orang ramai dan sekolah-sekolah supaya seseorang calon itu tidak tersalah memilih sesuatu kursus itu sesuai dengan kelulusannya. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, garis panduan yang digunakan oleh Lembaga Temuduga mengenai pemilihan calon-calon bagi mengikuti kursus latihan perguruan adalah terkandung dalam iklan yang disiarkan dari semasa ke semasa seperti berikut:

Bagi setiap jenis kursus pendidikan guru biasa 3 tahun, setiap calon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

(a) memiliki SPM/MCE, SPVM atau kelayakan yang diiktiraf

setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Memiliki kepujian Bahasa Malaysia, termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(b) memiliki sekurang-kurangnya 3 kepujian lagi dalam mana-mana matapelajaran selain daripada Bahasa Malaysia yang diambil dalam satu peperiksaan seperti disebutkan di dalam (a);

(c) pemohon yang memilih kursus perguruan sekolah rendah atau PSR bagi pengajian Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil hendaklah mempunyai kepujian dalam matapelajaran bahasa yang berkenaan dan sekurang-kurangnya lulus Matematik atau lulus mana-mana Matapelajaran Sains dalam peperiksaan seperti yang disebutkan di (a).

Pemohon yang memilih kursus perguruan sekolah menengah PSM hendaklah mempunyai kepujian dalam matapelajaran bagi kursus yang dipohon dan sekurang-kurangnya lulus Matematik atau lulus mana-mana Matapelajaran Sains dalam peperiksaan yang disebutkan dalam (a).

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, baru-baru ini satu peperiksaan bertulis bagi calon-calon guru yang akan mengikuti kursus latihan perguruan

telah diadakan oleh pihak Kementerian. Kemudian sekarang ini saya dapat tahu di Kelantan, sebahagian calon-calon bertulis itu telah pun dipanggil temuduga tetapi sebilangannya tidak dipanggil dan tidak diberitahu sama ada calon yang berkenaan lulus ujian bertulis ataupun tidak. Jadi mengapa perkara yang seumpama ini boleh berlaku sehingga calon-calon yang tidak dipanggil itu mereka terpaksa tergesa-gesa menemui Wakil-wakil Rakyat dan sebagainya.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, setip tahun Kementerian Pelajaran menerima beribu-ribu permohonan untuk mengikuti kursus maktab perguruan. Sebagai satu langkah untuk, dengan izin, "short listing", Kementerian mengadakan satu peperiksaan ujian dan lepas peperiksaan ujian itu hanya sebilangan dari calon-calon yang dianggap sesuai mengadakan temuduga akan ditawarkan dan juga bukan semua calon-calon yang dipanggil untuk temuduga akan diberi tempat juga, ada lebih dipanggil dari tempat yang ada untuk calon-calon.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan adakah Bahagian Latihan Perguruan ini dan Lembaga Temuduga ini menetapkan berapa bilangan calon untuk mengikuti sesuatu kursus, misalnya kursus SRT dalam tiap-tiap tahun itu berapa orang ditetapkan, kursus Bahasa Malaysia berapa orang, kursus IA berapa orang? Kalau ada, adakah Kerajaan menyedari bahawa dengan cara ini kebanyakan sekolah-sekolah pada masa ini menghadapi kekurangan guru-guru matapelajaran. Contohnya, banyak sekolah yang menghadapi masalah kekurangan guru Matapelajaran Ilmu Alam, ada sekolah yang menghadapi kekurangan

guru Matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Ingeris dan sebagainya. Ada pula sekolah yang menghadapi masalah kelebihan, biasanya kelebihan guru SRT, guru IA. Kalau sedar, apakah langkah-langkah wajar yang boleh atau yang akan dijalankan oleh Kerajaan supaya masalah-masalah kekurangan dan kelebihan itu dapat diatasi bagi melicinkan proses pembelajaran di sekolah-sekolah.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, dengan keseluruhannya memang Kementerian Pelajaran menghadapi kekurangan guru-guru tetapi untuk kekurangan guru-guru ke atas sesuatu matapelajaran, ini bukan hanya disebabkan oleh kerana tidak cukup guru dilatih untuk matapelajaran itu tetapi juga oleh kerana Kementerian saya menghadapi masalah, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, deployment of teachers oleh kerana kadangkala apabila seseorang guru itu diarah untuk bertukar (transfer) ke sesebuah sekolah beliau tidak dapat pergi oleh kerana suami berkhidmat di Kuala Lumpur atau di lain-lain tempat dan inilah satu masalah terbesar yang kita hadapi dan selalunya apabila Kementerian Pelajaran hendak transferkan seseorang guru pun kita dapat banyak surat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat rayuan meminta Kementerian batalkan transfer yang telah disusun dan ini juga satu kerumitan yang kita sentiasa menghadapi.

Walau bagaimanapun, kita akan berusaha untuk mengurangkan masalah ini dari masa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Pontian, soalan penghabisan.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan garis panduan yang dikehendaki dari segi

akademik untuk calon-calon memasuki Maktab-maktab Latihan Perguruan.

Soalan saya ialah, adakah dibolehkan bentuk-bentuk borang yakni isi-isi borang yang digunakan oleh Lembaga Temuduga umpamanya jumlah-jumlah markah kecerdasan, kecenderungan dan lain-lain diberitahu kepada bakal-bakal calon untuk memudahkan mereka itu mempersiapkan diri bagi menghadapi temuduga.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, untuk peperiksaan ujian Kementerian pun ada keluaran satu booklet yang boleh diberi kepada calon-calon jikalau mereka memohon. Tetapi untuk temuduga hanya soalan-soalan am atau dengan izin, general questions yang digunakan apabila mereka hadir untuk temuduga.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No. 2 Y. B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir)

BEKALAN AIR DI KAWASAN PERUMAHAN KUALA LUMPUR/ SELANGOR

3. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar:

- (a) bahawa kebanyakan kawasan Perumahan di Kuala Lumpur dan di Negeri Selangor masalah kekurangan dan ketiadaan air sedang menjadi suatu masalah besar; dan
- (b) di Negeri Selangor terutama di Daerah Gombak, Kawasan Perumahan seperti Taman Usaha Ehsan dan Desa Jaya, kadangkala tidak mendapati bekalan air untuk seminggu secara berterusan;

jika pihak Kementerian sedar mengenai masalah ini, apakah langkah dan tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi kedudukan dan masalah ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sedar tentang masalah bekalan air yang dihadapi di bawah kawasan perumahan di Kuala Lumpur dan Negeri Selangor. Ia mula dirasakan apabila industri perumahan telah berkembang dengan pesatnya dan tidak seimbang dengan keupayaan bekalan air semasa. Ia lebih ketara lagi apabila pemaju-pemaju tidak mengendalikan sistem bekalan air yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh Pihakberkuasa bagi perumahan tertentu.

Keadaan sering berlaku di kawasan-kawasan perumahan dalam bandaraya Kuala Lumpur di mana Jabatan Air Selangor tidak diminta nasihat dalam pertimbangan permohonan-permohonan projek perumahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelenggaraan bekalan air dengan peringkat awalnya dikendalikan oleh pemaju-pemaju perumahan itu sendiri sebelum pembinaan sistem bekalan air di kawasan itu diluluskan dan diambilalih penyelenggaraan oleh pihakberkuasa.

Masalah gangguan air sering berlaku di peringkat awalan ini. Sukacita saya menyatakan bahawa sehingga hari ini penyelenggaraan bekalan air bagi kawasan perumahan Taman Usaha Ehsan masih lagi di bawah tanggungjawab pemaju yang berkenaan.

Suka juga saya menjelaskan mengenai masalah gangguan bekalan air bagi Daerah Gombak khususnya di kawasan perumahan Taman Usaha Ehsan dan Desa Jaya bahawa gangguan berlaku bekalan air pada

utamanya berpunca dari sistem bekalan air Sungai Batu yang membekalkan air ke kawasan itu belum siap sepenuhnya. Walau bagaimanapun, atas desakan keperluan semasa satu bekalan air sementara telah diperolehi melalui sistem river intake, dengan izin, dari Sungai Batu. Keadaan ini telah menimbulkan masalah quality dan quantity terutamanya di musim hujan. Di musim ini sering berlaku hanyutan pasir dan sampah masuk ke dalam kawasan sedutan air dan terus dimasuki pumping valve yang mana sedutan air terpaksa dihentikan untuk dibaiki.

Masalah bekalan air ke kawasan-kawasan ini akan dapat diatasi apabila projek-projek pembinaan ampangan Sungai Batu akan siap dibina pada tahun 1985.

Bagi mengatasi masalah-masalah bekalan air pada keseluruhannya di masa-masa akan datang, Kerajaan telah mengambil tindakan membina ampangan-ampangan dan loji-loji air.

Bagi Pihakberkuasa Air pula telah pun meminta kerjasama pemaju-pemaju perumahan untuk membina sistem bekalan air yang lebih baik semasa kerja-kerja awalan bagi perumahan itu dijalankan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan salah satu faktor ataupun sebab yang menjadikan timbul masalah bekalan air ini kerana terdapat di setengah-setengah pemaju itu tidak mengadakan hubungan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Air. Jadi, dengan keadaan yang seperti itu telah menimbulkan masalah sosial bagi sesuatu tempat dan juga menjejaskan imej Kerajaan sendiri.

Oleh sebab itu apakah langkah-langkah yang berkesan supaya

kerjasama di antara pihak pemaju dengan pihak semua jabatan yang ada kaitan dengan keperluan asas sesuatu tempat di mana kawasan pembinaan rumah hendak dibuat oleh Kerajaan.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Kelulusan untuk permohonan perumahan adalah di tangan kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Ada juga banyak Kerajaan-kerajaan Negeri sebelum meluluskan permohonan-permohonan untuk perumahan membuat suatu pertanyaan kepada Pihakberkuasa Air sama ada dengan kelulusan permohonan itu akan menyebabkan keadaan air yang tidak memuaskan. Tetapi ada juga di mana apabila telah pun diberitahu oleh Pihakberkuasa Air mengatakan keadaan kekurangan air di kawasan itu tetapi oleh kerana tekanan-tekanan sosial yang lain pihakberkuasa yang berkenaan juga telah memberi kelulusan untuk perumahan itu dibekalkan dengan air yang barangkali kurang memuaskan, buat sementara.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada suatu tangki bekalan air yang dibina di suatu kawasan perumahan Taman Guru di Kota Bharu hanya boleh dipakai beberapa tahun sahaja yang kemudiannya pecah. Tangki ini membekalkan air ke sebahagian penduduk Kota Bharu. Semenjak tangki ini pecah keadaan air yang dialirkan ke kawasan-kawasan yang selama ini menggunakan tangki di kawasan perumahan Taman Guru itu sentiasa kotor, warnanya merah. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang patut diambil oleh Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, soalan pokok ialah

berkenaan perumahan di Kuala Lumpur dan di negeri Selangor, tidak bolehlah dibawa kepada negeri lain-lain. Soalan itu tak bersangkutan.

PENDAFTARAN PERNIAGAAN MENCERMINKAN IDENTITI MALAYSIA

4. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar pendaftaran perniagaan-perniagaan baru hendaklah mencerminkan identiti Malaysia; jika ya, beri butir-butir lanjut tentang garis panduan baru itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang Dipertua, di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan, 1956, dan Kaedah-kaedah Pendaftaran Perniagaan, 1957, tidak ada garis panduan yang tertentu dalam perkara ini. Walau bagaimanapun perpaduan negara adalah satu perkara penting di dalam sebuah negara yang muda. Seiring dengan hakikat ini, maka nama-nama dan juga unsur-unsur yang lain bersabit dengan pendaftaran perniagaan perlulah diselaraskan dengan dasar dan aspirasi Kerajaan bagi tujuan mencerminkan identiti Malaysia di samping memberikan gambaran kasihkan negara dan perpaduan.

Oleh yang demikian penggunaan nama-nama perniagaan yang tidak mencapai matlamat dan aspirasi yang telah dinyatakan di atas adalah tidak digalakkan. Nama-nama perniagaan hendaklah menggambarkan ciri-ciri identiti nasional kemalaysiaan. Sebagai contoh adalah molek dan bersesuaian sekiranya nama-nama seperti Kedai Gambar Kota Melaka, Kedai Gunting Rambut Kinabalu, Restoran Langkawi, Tukang Jahit Bunga Raya dan lain-lain lagi digunakan. Penggunaan nama-nama

tempat, bunga dan perbhasaan Malaysia sebagai nama perniagaan dapat memperkenalkan dan melambangkan negara Malaysia di samping mengutamakan penggunaan Bahasa Rasmi negara ini.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, adakah langkah-langkah Kerajaan untuk membawa unsur-unsur kenegaraan itu mendapat bantahan daripada mana-mana pihak dan adakah juga langkah Kerajaan itu menyebabkan begitu kurang pendaftaran nama-nama syarikat?

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Setakat mana boleh, Tuan Yang Dipertua, kita cubalah supaya menggambarkan sepertimana mengikut aspirasi dan dasar-dasar yang disebutkan tadi. Ada juga di dalam permohonan nama-nama perniagaan ini nampaknya kecenderungan sepertimana luar daripada dasar ataupun aspirasi yang saya sebutkan tadi. Jadi adalah menjadi tujuan kita memberikan nasihat dan juga berpujuk dan persuasion, dengan izin, supaya mereka memahami keadaan ini. Kita berharap mereka akan memberi kerjasama supaya aspirasi identiti kemalaysiaan kenegaraan kita akan dapat dicapai.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, adakah beliau sedar kadangkala seorang yang memohon mendaftarkan satu nama untuk urusan sendiri selepas memohon kepada Pendaftar Syarikat atau Perniagaan nama pemohon itu ditolak dengan tidak memberikan sebab apa nama itu tidak diluluskan. Saya ingin tahu apa garis panduan yang digunakan oleh Pendaftar Syarikat untuk menentukan satu nama akan dilulus atau tidak dan memberi jawapan yang penuh.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, jikalau

saya rasa seseorang pemohon tidak puas hati di atas sebab-sebab yang telah pun permohonan beliau itu ditolak, eloklah saya rasa pemohon itu datang ke pejabat dan berbincang masalah ini agar masalah itu dapat diatasi. Ada juga di dalam undang-undang yang mengatakan Pendaftaran Perniagaan, bukan Pendaftar Syarikat, di bawah Companies Act, 1965 yang mana ada kuasanya sedikit sebanyak di atas cara mana satu-satu pemohon di atas nama itu patut diambalikan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bercadang untuk mengeluarkan senarai nama-nama syarikat yang telah didaftarkan untuk memudahkan rakyat yang ingin mendaftarkan syarikatnya supaya tidak terkena nama yang sudah ada dalam daftar yang telah didaftarkan oleh Kerajaan?

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, kalau hendak cadang saya rasa banyak sangat, mungkin apa yang ada dalam dunia pun boleh dimasukkan. Saya rasa kita cuba kalau boleh, kalau sekarang ini nampaknya susah hendak berikan nama list, saya rasa sepuluh gebal pun tidak begitu mencukupi nama-nama yang sesuai.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian tulisan nama-nama syarikat itu juga merupakan satu identiti kebangsaan bagi satu-satu syarikat itu. Misalnya, tulisan nama syarikat itu dalam Bahasa Malaysia lebih besar atau lebih terang daripada bahasa-bahasa lain. Apakah di dalam pendaftaran syarikat ini disyaratkan ukuran huruf atau kadar tulisan di dalam sesuatu syarikat yang hendak ditetapkan?

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang saya sebutkan oleh sebab kita hendak mencerminkan dan juga hasrat untuk mencapai matlamat identiti kemalaysiaan, maka kita seberapa yang boleh diminta. Jadi, buat masa sekarang ini kita memikirkan cara manakah hendak mengatasikan supaya nama-nama ataupun huruf-huruf yang digunakan itu betul-betul dan sebenar-benarnya mencerminkan identiti ini dan kita haraplah Bahasa Kebangsaan akan digunakan seberapa yang boleh, kalau besar pun lagi baguslah, daripada huruf-huruf yang dipakaikan oleh huruf yang lain daripada Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas, soalan penghabisan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Mulia telah menerangkan kalau tak salah ingatan saya, setakat ini pihak Kerajaan tidak ada satu garis panduan bagi menentukan nama-nama berkenaan dengan syarikat-syarikat perniagaan ini. Apa yang ada hanyalah sebagai suatu amalan supaya menggunakan nama-nama yang sesuai dengan aspirasi rakyat dan identiti negara kita Malaysia. Namun demikian, ada juga pihak-pihak yang memilih nama yang bertentangan dengan amalan yang dibuat oleh Kerajaan. Oleh sebab itu, saya ingin bertanya, adakah pihak Kerajaan bercadang bagi masa yang akan datang untuk mengadakan garis panduan nama-nama ini supaya rakyat tidak lagi teraba-raba untuk memilih nama sesuka hatinya dan rakyat tidak kecewa manakala permohonan mereka itu ditolak sebab bertentangan dengan aspirasi rakyat dan identiti negara kita?

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, saya

kata tidak ada garis panduan mengikut undang-undang yang tercatat di dalam Undang-undang Pendaftaran Perniagaan. Saya tak dapat hendak berikan penjelasan sama ada ada atau tidak di dalam undang-undang yang lain bersabit dengan cara menahan ataupun menyekat kegunaan nama-nama perniagaan ataupun signboard dan sebagainya. Mungkin ada, mungkin tidak, tetapi saya sukalah mengatakan adanya nama-nama yang tidak begitu sesuai yang berlawanan ataupun berlainan dari apa yang disebut tadi, hasrat untuk mencerminkan identiti negara kita ini sudah berapa tahun lamanya telah didaftarkan seperti nama The Great Wall, Hongkong and Shanghai Bank, nama-nama yang seperti ini telah didaftarkan sebelum kita dapat saya rasa hasrat ataupun garis-garis yang mana mencerminkan identiti. Jadi, telah pun dibuat dahulu. Kita harap mungkin satu ketika undang-undang akan digubal supaya mencerminkan identiti. Ini sebagai pandangan saya, saya tak tahu tetapi kemungkinan itu ada.

SYARIKAT-SYARIKAT BADAN-BADAN BERKANUN

5. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan berapa buah syarikat-syarikat kepunyaan Badan-badan Berkanun telah atau akan diserahkan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera sejajar dengan konsep pensyarikatan yang diumumkan oleh Kerajaan. Adakah beliau akan memastikan secara terperinci kemampuan pengusaha-pengusaha ini mengambilalih supaya kemudian hari syarikat-syarikat ini tidak mengalami kerugian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, soalan yang kelima ini telah pun dijawab di Dewan ini pada 14hb

Oktober, 1983 dan 19hb Oktober, 1983 semasa menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Jerantut.

Oleh yang demikian saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PAS SEMPADAN KE NEGERI THAI

6. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah dengan langkah setiap rakyat yang hendak menyeberang sempadan Malaysia ke negeri Thai dimestikan menggunakan paspot antarabangsa itu merupakan pemansuhan kepada peraturan menggunakan pas sempadan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, penggunaan pas sempadan yang membolehkan rakyat Malaysia yang tinggal di negeri-negeri bersempadan dengan Thailand dan memasuki negara Thailand adalah merupakan amalan dua hala yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Thai. Mengikut perjanjian yang masih berkuatkuasa sekarang, rakyat negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan boleh menggunakan kemudahan pas sempadan untuk melawat Selatan Negeri Thai hingga ke bandar Songkla dan Haadyai.

Rakyat Malaysia yang bukan rakyat negeri-negeri sempadan dan telah menetap selama tidak kurang dari tiga tahun di kawasan 25 kilometer dari sempadan bersama Malaysia Thai juga boleh menggunakan kemudahan pas sempadan ini.

Rakyat Malaysia yang tidak termasuk dalam dua kategori tersebut di atas adalah dikehendaki untuk menggunakan paspot antarabangsa Malaysia bagi membolehkan mereka

melawat negeri Thai. Oleh yang demikian, amalan yang dilakukan sekarang tidak bertujuan untuk memansuhkan penggunaan pas sempadan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pas sempadan ini boleh digunakan oleh rakyat Johor untuk masuk ke Singapura.

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu berlainan. Tetapi kalau hendak jawab bolehlah jawabkan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, tadi saya jelaskan bahawa kita mempunyai dua kategori yang tertentu. Pertama bagi anak-anak negeri yang berada di border state, maka mereka ini boleh menggunakan pas sempadan.

Yang kedua, adalah mengenai orang-orang yang bukan anak negeri di border state, tetapi menetap selama tidak kurang daripada tiga tahun dan berada di kawasan yang tidak terkeluar daripada 25 kilometer.

Orang-orang itu boleh juga menggunakan pas sempadan. Selain daripada itu, umpamanya, orang Johor, orang Selangor terpaksa menggunakan International Passport ataupun Pasport Antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua: Pertanyaannya itu masuk ke Singapura, orang Johor boleh masuk ke Singapura.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, itu kita menggunakan Restricted Passport.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini daripada orang-orang yang menggunakan pas sempadan ini mana yang lebih ramai menggunakan pas daripada orang Malaysia pergi ke Thailand, ataupun

orang Thailand pergi ke Malaysia, Singapura dan Indonesia tidak usah kira dahulu, cuma Thailand sahaja.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, nampaknya ramai daripada Malaysia ke Thailand (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Hendak tahu apa sebabnya? (*Ketawa*).

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Baharu sekejap Timbalan Menteri mengatakan bahawasanya orang Malaysia menggunakan pas-pas sempadan ada sekatan-sekatannya di Thailand, iaitu setakat Haadyai dan sebagainya, tetapi bagaimana pula orang-orang yang daripada Thailand yang menggunakan pas sempadan ke Malaysia. Adakah Kerajaan Malaysia membuat sekatan-sekatan bagi mereka ke Malaysia ini, sebagaimana sekatan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi orang Malaysia ke Thailand.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, kita ada dua cara. Pertama kita cop di atas pas itu, bahawa pihak yang berkenaan atau subject itu tidak boleh pergi keluar daripada kawasan 25 kilometer dan bagi pas-pas sempadan yang tidak menghadkan jauh perjalanan kepada lingkungan 25 kilometer, penggunaan pas ini hanya dihadkan kepada negeri-negeri yang dimasukinya sahaja. Kalau dia masuk, umpamanya Perak, setakat negeri Perak sahaja; kalau dia masuk Kedah, setakat Kedah sahaja, dan begitulah dengan Kelantan dan Perlis.

Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri mengatakan bahawa rakyat Malaysia lebih ramai daripada rakyat Thailand pergi ke Thailand. Jadi saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri apakah

keistimewaan orang-orang Malaysia yang pergi ramai ke Thailand itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, itu bergantung di atas individu.

Tuan Yang Dipertua: Sudah cukuplah, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh minta passport.

FAEDAH BAYARAN PROGRESIF LAMBAT

7. **Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Pemaju Perumahan Swasta dibenarkan mengutip faedah bagi bayaran progresif lambat yang dibuat oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan. Adakah sebahagian peminjam-peminjam perumahan Kerajaan di Kluang mengalami masalah dikehendaki oleh Pemaju Perumahan Swasta membayar faedah dari peminjam-peminjam Perumahan Kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kegiatan-kegiatan perusahaan dan urusan-pemaju-pemaju perumahan adalah dikawal oleh Akta Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan Tahun 1966. Di bawah peruntukan peraturan-peraturan pemaju perumahan tahun 1982, pemaju boleh mengenakan faedah terhadap pembeli-pembeli di rancangan perumahannya jika berlaku kelewatan pembayaran.

Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan mengeluarkan bayaran-bayaran berperingkat bagi pinjaman-pinjaman yang telah diluluskannya hanya setelah harta yang dibeli telah digadai kepada Kerajaan Malaysia dan tuntutan bayaran yang teratur telah dibuat.

Sementara urusan gadaian disempurnakan dan untuk mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh pemaju perumahan yang berkenaan, Bahagian Pinjaman Perumahan mengeluarkan bayaran untuk harga tanah dahulu dan juga bayaran tambahan menebus harta yang berkenaan daripada gadaian institusi kewangan jika harta tersebut telah dicagar oleh pemaju kepada institusi-institusi kewangan.

Daripada pengalaman Bahagian Pinjaman Perumahan, kebanyakan kes-kes peminjam-peminjam yang dikenakan faedah berpunca daripada kelewatan urusan gadaian dan tuntutan bayaran berperingkat yang tidak teratur mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan.

Di samping itu juga terdapat kelewatan-kelewatan yang berpunca daripada kelewatan mengemukakan permohonan pinjaman selepas pembeli menandatangani perjanjian jual-beli terutamanya bagi kes pembelian rumah di mana pembinaannya telah mencapai ke peringkat yang tinggi.

Bahagian Pinjaman Perumahan juga telah berusaha mengatasi masalah ini dengan mengadakan dialog dengan pemaju-pemaju tertentu dan juga wakil Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia dari masa ke semasa dan mendapatkan kerjasama mereka supaya mengecualikan atau mengurangkan berkenaan dengan faedah ke atas peminjamnya mengikut merit tiap-tiap kes. Setakat ini usaha-usaha ini mendapat kerjasama yang baik daripada pihak pemaju-pemaju dan Bahagian Pinjaman Perumahan akan meneruskan usaha-usaha tersebut.

Berhubung dengan peminjam perumahan Kerajaan daripada Kluang yang dikatakan telah dikenakan faedah oleh pemaju, saya meminta

Ahli Yang Berhormat menghubungi saya atau Bahagian Pinjaman Perumahan dan memberi butir-butir lanjut supaya perkara ini boleh disiasat dengan lebih lanjut.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan bahawa Akta Kawalan Pelesenan pemaju-pemaju perumahan menyatakan pemaju boleh menuntut faedah dari pembelian atas kelewatan pembayaran.

Jadi soalnya adakah pembeli-pembeli ini boleh pula menuntut kepada pemaju-pemaju perumahan jika sekiranya pemaju-pemaju tersebut engkar ataupun melanggar syarat yang ditetapkan.

Jika boleh bagaimanakah Kementerian Perumahan atau Kerajaan boleh memberitahu perkara ini kepada pembeli-pembeli kerana kebanyakan pembeli-pembeli ini tidak tahu cara-cara mengemukakan tuntutan-tuntutan mereka.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, memang ada dalam Akta yang tersebut iaitu pemaju-pemaju perumahan terpaksa membayar pampasan kepada pembeli-pembeli jika ianya tidak boleh menyiapkan rumah seperti dalam tempoh yang dijanjikan. Kadar pampasan itu semua ada dalam Akta yang tersebut.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri dalam hal yang demikian pihak manakah yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan ataupun mengenakan pemaju-pemaju membayar tuntutan kepada pembeli-pembeli rumah.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, pihak yang berkuasa adalah Unit Penguatkuasaan di dalam Kementerian Perumahan.

PEMBASMIAN KEMISKINAN LUAR BANDAR

8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan apakah strategi dan program-program komprehensif baru bagi meningkat dan memesatkan lagi pembangunan dan pembasmian kemiskinan di luar bandar dalam jangka masa 5 tahun akan datang.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat rancangan pembangunan lima tahun kita sekarang adalah bagi tempoh berakhir 1985. Bagi baki tempoh rancangan pembangunan lima tahun sekarang dan barangkali juga bagi rancangan seterusnya Kerajaan tidak akan membuat perubahan-perubahan besar dalam dasar, program, mahupun strategi, pelaksanaan projek-projek.

Walau bagaimanapun, penekanan akan diberi kepada penyertaan rakyat dan juga pihak swasta pada mendapatkan kesan atau hasil yang lebih. Dalam usaha membasmi kemiskinan tumpuan akan diberi kepada golongan-golongan yang dianggap termiskin iaitu hard-core poverty groups, dengan izin, dan bukan semata-mata yang kini dianggap sebagai kumpulan sasaran target groups, dengan izin. Oleh itu tumpuan diberikan kepada kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan yang amat meleset. Strategi yang digunakan sekarang untuk meningkatkan pendapatan petani melalui pembangunan tanah baru dan melalui pembangunan pertanian *in situ* akan diteruskan. Penekanan kepada penyertaan rakyat akan mengurangkan keperluan kepada beberapa jenis subsidi yang kurang bermanfaat. Tetapi subsidi yang dikira penting akan diteruskan malahan akan ditambah sekiranya perlu. Usaha-usaha untuk mewujudkan estet-estet pertanian termasuklah kaedah

penanaman pengeluaran, pemasaran padi dan lain-lain termasuk juga penangkapan ikan secara berkelompok akan diteruskan dengan penyertaan sepenuhnya petani, nelayan dan juga pihak swasta.

Berkenaan dengan pembangunan tanah baru oleh FELDA dan agensi-agensinya serupa kaedah pemberian hakmilik secara saham akan diusahakan supaya faedah akan dapat dikecapi lebih ramai peserta. Di samping itu kaedah pengurusan secara estet besar-besaran akan dapat dikekalkan oleh kerana peserta akan menjadi pemilik-pemilik keseluruhan estet walaupun telah menjelaskan hutang mereka kepada FELDA. Integrasi dengan kegiatan seperti perniagaan, perusahaan, perkilangan oleh FELDA dan agensi-agensinya serupa akan memberi kesempatan kepada lebih ramai orang mendapat kerja dan membolehkan lebih ramai peserta menjadi pemegang saham. Kegiatan-kegiatan untuk meningkatkan taraf hidup melalui pertambahan infrastruktur fizikal dan sosial akan diteruskan juga.

Program-program bekalan air luarbandar, bekalan elektrik luarbandar, projek jalan kampung dan jalan luarbandar, perkhidmatan perubatan dan kesihatan, program perumahan murah, rancangan industri kampung dan karyanika, program amalan makanan dan pemakanan akan terus dijalankan dan ditumpukan kepada kawasan yang amat meleset.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi ada menekankan tentang usaha Kerajaan hendak benar-benar membangunkan kampung-kampung yang begitu meleset atau begitu daif.

Saya ingin bertanya apakah garis panduan ataupun kriteria yang digunakan oleh Jabatan Perdana

Menteri ini untuk mengukur kampung yang dikatakan daif bagi dimajukan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis panduan yang dipakai oleh pihak Kementerian kepada golongan-golongan yang dianggap termiskin sekali iaitu hard-core poverty groups, dengan izin, ialah ditakrifkan sebagai isi-isi rumah yang memperolehi pendapatan suku daripada pendapatan garis kemiskinan. Iaitu jika garis kemiskinan diletakkan kepada angka \$400 sebulan seisi rumah, maka bermakna yang dianggap termiskin adalah mereka yang mendapat pendapatan kurang daripada \$100 sebulan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kerajaan telah pun menjalankan berbagai-bagai dasar, strategi ataupun program untuk membasmi kemiskinan, membantu mereka yang kurang bernasib baik seperti petani, nelayan dan sebagainya tetapi kerap kali segala dasar-dasar, strategi, program ini menempa halangan ataupun kegagalan.

Soalan saya, apakah sebab-sebab punca-punca yang besar yang menyebabkan berlakunya penyelewengan dan kegagalan-kegagalan tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah pun melancarkan beberapa rancangan lima tahun. Untuk makluman Yang Berhormat pada rancangan Malaysia lima tahun kedua, Kerajaan menumpukan perhatian kepada tujuh buah negeri sahaja iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, kedua-dua negeri di Malaysia Barat dan juga Melaka.

Pada Rancangan Malaysia Ketiga Melaka dikeluarkan daripada senarai

memandangkan bahawa Melaka telah mencapai tahap pembangunan yang memuaskan dan sekarang dalam Rancangan Malaysia Keempat perhatian diberi juga kepada kumpulan-kumpulan atau tempat-tempat yang dianggap sebagai termiskin sekali walaupun negeri-negeri itu datang daripada negeri Selangor ataupun Perak umpamanya.

Kegagalannya ialah semata-mata kerana penglibatan ataupun sikap orang-orang kampung yang diberi bantuan tersebut tidak begitu memuaskan dan, yang mana kita semua sedia maklum tekanan diberi sekarang kepada penglibatan masyarakat umum untuk menjayakan projek-projek luarbandar.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini dari segi penekanan priority projek-projek pembasmian kemiskinan di luarbandar untuk tempoh lima tahun yang akan datang dari segi relatif, peratusan dan jumlah ataupun quantiti peruntukan yang diberikan, di manakah letaknya program-program pembasmian kemiskinan ini dalam konteks keseluruhan pembahagian peruntukan nasional keseluruhannya terutama kalau dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan di bawah program permodenan sektor ekonomi dengan adanya projek-projek HICOM dan sebagainya, bagaimana perimbangan yang wujud sekarang dan bagaimana perimbangan yang akan wujud dalam tempoh lima tahun akan datang.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi strategi yang digunakan sekarang ialah dua, iaitu untuk pembangunan tanah baharu seperti yang kita sedia maklum diselenggarakan oleh pihak FELDA dan agensi-agensi yang serupa. Strategi yang kedua ialah

pembangunan pertanian *in situ* yang diselenggarakan oleh peserta-peserta di tempat masing-masing.

Tuan Alias bin Md. Ali: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan saya.

Tuan Yang Dipertua: Pada fikiran saya soalan dan pertanyaan asal ini sangat luas coveragennya; bertanya dan menjawab dalam masa empat lima minit itu susah. Saya rasa cukuplah perkara ini.

KUASA PEGUAM NEGARA

9. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebab Peguam Negara diberi kuasa yang luas dalam hal profesyen guaman dengan mengenalkan Rang Undang-undang Akta (Pindaan) Profesyen Peguaman 1983 yang mana telah mengecilkan Majlis Peguam ke peringkat yang tiada penting langsung.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmed: Tuan Yang Dipertua, di antara pindaan-pindaan yang diluluskan hanya dua pindaan sahaja yang ada kaitan dengan peranan Peguam Negara. Pindaan-pindaan itu ialah pindaan kepada seksyen 7 dan seksyen 77. Seksyen 7 membuat peruntukan mengenai kedudukan, tanggungjawab, kuasa-kuasa dan anggota Lembaga Kelayakan. Pada masa ini kuasa bagi menentukan kelayakan memasuki profesyen undang-undang adalah terletak kepada Majlis Peguam. Lembaga Kelayakan di antara lain hanya berkuasa memberi nasihat kepada Majlis Peguam berhubung dengan perkara itu. Majlis Peguam adalah berkuasa menerima ataupun menolak sebarang nasihat yang diberi oleh Lembaga Kelayakan.

Kerajaan memandang berat terhadap penyelenggaraan taraf profesyen undang-undang pada setiap

masa. Taraf profesyen itu adalah ditentukan oleh kelayakan bagi memasuki profesyen itu.

Kerajaan juga berpendapat tidak kurang pentingnya kelayakan memasuki profesyen itu diasaskan kepada kepentingan negara dan orang ramai. Saya mengakui bahawa pihak Majlis adalah lebih mengerti apa yang baik dan apa yang tidak baik bagi profesyen undang-undang. Namun demikian, tidak semestinya mereka lebih layak bagi menghakimkan masalah-masalah yang ada kaitan dengan diri mereka sendiri. Oleh itu, adalah dirasai sesuai dan berpatutan demi kepentingan negara, orang ramai serta profesyen undang-undang bahawa soal menentukan kelayakan bagi memasuki profesyen itu diserahkan kepada satu badan yang bebas yang dianggotai oleh wakil badan-badan ataupun pihak-pihak yang tertentu yang ada kaitan dengan pentadbiran undang-undang.

Mungkin elok bagi saya mengumumkan bahawa pindaan itu adalah berpunca dari pandangan yang dikemukakan oleh bekas Ketua Hakim Negara. Beliau telah menghubungi pihak Majlis mengenai perkara ini dan mendapatkan pandangan Majlis terhadap cadangannya itu. Kedua-dua pandangan telah diambil kira sebelum pindaan itu dibuat. Kiranya dikaji dengan mendalam seksyen 7 sebelum dipinda ini ternyata bahawa seksyen itu memperuntukkan bahawa Peguam Negara hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga Kelayakan. Pindaan kepada seksyen 7 mengekalkan kedudukan Peguam Negara sebagai Pengerusi Lembaga Kelayakan. Ini tidak memberi apa-apa kuasa yang lebih kepada Peguam Negara.

Berhubung dengan wakil Majlis pula, diperhatikan bahawa Majlis adalah diwakili oleh Pengerusinya sendiri. Sebagai Pengerusi yang dipilih

oleh peguam-peguam sendiri, saya kira beliau adalah orang yang layak sekali bagi mengemukakan pandangan pihak Majlis dalam perkara-perkara yang dibincangkan oleh Lembaga Kelayakan.

Ramainya wakil Majlis dalam Lembaga itu tidak seharusnya menjadi soal. Apa yang sepatutnya dinilai ialah sama ada pendapat-pendapat semua pihak yang berkenaan boleh diperolehi untuk menilai dan menimbangkan satu-satu isu yang ada kena-mengena dengan soal kelayakan. Oleh yang demikian, adalah tidak betul pindaan ini bertujuan memberi kuasa yang lebih kepada Peguam Negara dan memperkecilkan pihak Majlis Peguam.

Pindaan yang satu lagi ialah pindaan kepada seksyen 77. Pindaan ini memperuntukkan bahawa apa-apa kaedah yang dibuat oleh Majlis Peguam di bawah Akta Profesyen Undang-undang 1976 hendaklah mendapatkan kelulusan Peguam Negara. Peguam Negara juga diberi kuasa mengubahsuai apa-apa kaedah yang telah diluluskan sebelum pindaan ini. Peguam-peguam adalah di antara mereka yang terlibat dengan pentadbiran undang-undang negara ini. Majlis Peguam antara lain adalah dipertanggungjawabkan bagi mengelolakan profesyen itu. Sepertimana yang dinyatakan di atas Kerajaan sangat mengambil berat dalam penyelenggaraan profesyen itu pada setiap masa supaya orang ramai akan dapat menikmati perkhidmatan guaman yang sempurna. Profesyen itu adalah dikelolai melalui kaedah-kaedah yang tertentu yang dibuat oleh Majlis Peguam di bawah Akta Profesyen Undang-undang 1976. Namun demikian, memandangkan bahawa profesyen itu wujud dengan memberi khidmat kepada rakyat dan negara maka amatlah penting ditentukan bahawa sebarang kaedah yang dibuat bagi kepentingan

profesyen itu hendaklah dibuat dengan mengambil kira kepentingan negara dan orang ramai. Dengan yang demikian adalah dirasai sesuai dan perlu bagi Peguam Negara yang bertanggungjawab kepada Kerajaan yang mana bertanggungjawab pula kepada Parlimen diberi kuasa yang dimaksudkan oleh pindaan itu agar kepentingan rakyat dan negara tidak diketepikan apabila Majlis membuat apa-apa kaedah dengan tujuan mengatasi ataupun mengelolakan profesyen undang-undang.

Oleh yang demikian, Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar pindaan ini memperkecilkan peranan Majlis Peguam.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang Dipertua, adakah Rang Undang-undang ini mengenai pindaan telah ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong? Jikalau ya, bila, dan jikalau tidak, apakah sebab-sebabnya oleh kerana tidak?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang kita semua sedia maklum Rang Undang-undang ini dan termasuk Rang Undang-undang yang lain masih lagi belum ditandatangani.

Tuan Karpal Singh: Sebab-sebab kerana tidak ditandatangani sampai hari ini, bolehkah saya dapat tahu sebab-sebabnya?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmed: Tuan Yang Dipertua, perkara itu telah pun diterangkan dengan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada menjawab soalan yang hampir serupa di Dewan yang mulia ini. Sebab utama ialah kerana Duli Yang Maha Mulia tidak boleh menjalankan tugasnya sekarang.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 10 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir)

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir)

FATHER PETER DE WIT— SIASATAN PEMBUNUHAN

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan polis ke dalam pembunuhan paderi Roman katolik, Father Peter De Wit, berumur 69 tahun di Kudat pada Ogos 28, 1983 telah selesai; jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan polis dalam kes pembunuhan padri Roman Katolik, Father Peter De Wit di Kudat pada 28hb Ogos, 1983 telah pun selesai. Dari siasatan tersebut didapati 4 orang lelaki pendatang haram Filipina telah terlibat. Idiniti keempat-empat orang penjenayah itu telah diketahui oleh pihak polis. Salah seorang dari suspect tersebut telah ditangkap dan telah pun dituduh di Mahkamah pada 14hb September, 1983 di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Tarikh perbicaraan belum ditetapkan lagi.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Chan Kok Kit tidak hadir)

JEMAAH HAJI MALAYSIA DIHANTAR PULANG OLEH KERAJAAN ARAB SAUDI

15. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan baru-baru ini 7

orang Jemaah Haji dari Malaysia telah dihantar pulang oleh Kerajaan Arab Saudi kerana melanggar peraturan dan undang-undang memasuki negara itu setelah mendapati mereka membawa 25 keping gambar ukuran besar, 100 keping gambar ukuran kecil pemimpin Revolusi Iran, Ayatollah Khomeini serta dengan risalah-risalah yang ditulis oleh Khomeini dan Kerajaan Iran serta dengan risalah-risalah yang mengecam Kerajaan Arab Saudi. Adakah beliau juga sedar bahawa ada sejumlah 10 orang lagi yang bersama-sama mereka yang dihantar pulang itu terlibat juga, tetapi mereka ini masih berada di tanah Suci Mekkah. Jika sedar:

- (a) apakah tindakan Kerajaan terhadap 7 orang yang telah dihantar pulang oleh Kerajaan Arab Saudi;
- (b) apakah pula tindakan Kerajaan terhadap 10 orang yang akan pulang selepas menunaikan Fardu Haji; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan selanjutnya supaya perkara-perkara seumpama itu tidak berulang lagi.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, soalan ini telah saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 1-11-83 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

GETAH DALAM "STOCKPILE"— QUANTITI

16. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan quantiti getah yang di "stockpile" oleh Kerajaan dalam tahun 1981, 1982 dan sehingga Ogos, 1983, amaun yang dijual dan nyatakan sama ada apa-apa kerugian telah dialami; jika ya, nyatakan amaun kerugian yang ditanggung.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Kee Seong): Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan tidak ada stockpile getah seperti dalam soalan Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun Kerajaan adalah menyertai dalam Perjanjian Getah Asli antarabangsa di mana satu stock penimbal antarabangsa telah diadakan. Semenjak pembelian bermula dalam bulan November, 1981 Pengurus Stock Penimbal telah membeli sebanyak lebih kurang 270,000 ton getah dan getah ini masih di dalam simpanannya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 17 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup!

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawapan Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 10, 11, 12, 14 dan 17 adalah diberi di bawah ini).

INDUSTRI DI LEMBAH KINTA—KAJIAN

2. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejajar dengan hasrat Kerajaan Perak untuk membangunkan perindustrian, sama ada satu kajian telah dibuat untuk mengenalpastikan lokasi-lokasi industri berserta jenis-jenis industri yang sesuai dibina di Daerah Kinta khasnya dan di seluruh Perak amnya; jika ya, sila menerangkan butir-butirnya.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Pihak Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama Kerajaan Negeri

Perak sedang menyediakan satu kajian untuk mengenalpasti jenis-jenis industri yang sesuai untuk digalakkan di negeri Perak, khususnya di Kawasan Lembah Kinta.

Kajian ini akan mengenalpasti sumber-sumber asli yang terdapat di Negeri Perak dan berasaskan sumber-sumber tersebut, beberapa projek akan dikenalpasti untuk digalakkan. Kajian ini juga akan meliputi bidang-bidang lain yang mempengaruhi pembangunan sektor perindustrian seperti kedudukan penawaran buruh serta kemudahan infrastruktur untuk memastikan supaya pelaksanaan projek-projek dapat berjalan dengan lebih sempurna.

Penempatan projek-projek yang dikenalpasti oleh kajian ini nanti akan bergantung kepada beberapa perkara seperti kemudahan infrastruktur, bekalan bahan mentah dan buruh serta bekalan kawasan-kawasan yang sesuai untuk dimajukan oleh Kerajaan Negeri Perak sebagai kawasan perindustrian.

RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN—PERLAKSANAAN

10. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menerangkan strategi-strategi untuk meninggikan mutu Rancangan Makanan Tambahan. Setakat manakah Kementeriannya dapat menjayakan konsep persyarikatan Malaysia dan meninggikan pengawasan dan pengurusan berhubung dengan rancangan ini. Apakah peruntukan tahun ini dan 1984 untuk Rancangan Makanan Tambahan. Apakah dimaksudkan dengan "Projek Susu Sekolah" yang akan bermula pada penggal persekolahan yang ketiga ini.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Sebenarnya Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan secara berterusan untuk memperbaiki lagi

pelaksanaan Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah-sekolah Rendah semenjak ianya telah diambilalih pada tahun 1979 sebagai suatu Rancangan anjuran Kementerian Pelajaran dengan adanya peruntukan wangnya sendiri.

Pada tahun 1982, suatu kajian telah pun dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk menentukan, berasaskan kepada keutamaan, bilangan murid-murid sekolah rendah yang benar-benar memerlukan bantuan dari segi makanan dan pemakanan. Berasaskan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi dari kajian itu suatu pendekatan/strategi baru kepada Rancangan ini telah diambil. Ini melibatkan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

(a) Pelaksanaan Projek Susu di sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan muridnya lebih dari 200 orang. Projek Susu ini mengandungi dua skim:

- (i) Skim Bayaran
- (ii) Skim Percuma

(b) Pelaksanaan makanan tambahan seperti biasa, dengan menggunakan bahan-bahan makanan selain dari susu di sekolah-sekolah kecil iaitu bilangan muridnya 200 orang atau kurang dari 200 orang. Buat masa ini sekolah-sekolah ini adalah sukar dibekalkan dengan susu kerana ia terletak di kawasan-kawasan luar bandar atau pendalaman.

Projek Susu Sekolah adalah suatu contoh yang sesuai untuk menggunakan konsep persyarikatan Malaysia. Ini bermakna Kementerian Pelajaran bersama-sama dengan Syarikat Swasta menganjurkan secara bersama, suatu Rancangan yang memberi faedah kepada murid-murid sekolah kita. Syarikat pengeluar susu yang berkenaan adalah

bertanggungjawab bagi usaha-usaha pembangunan dan pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri serta Pejabat Pelajaran Daerah ditugaskan untuk mengendalikan urusan harian berkaitan dengan Projek ini.

Projek Susu Sekolah masih dilaksanakan sebagai suatu projek perintis di dua puluh satu (21) buah Daerah yang terpilih dan akan dikaji semula pada akhir Penggal Ketiga Persekolahan 1983 untuk menentukan aspek-aspek kekuatan dan kelemahan serta mengambil keputusan tentang pelaksanaannya pada masa hadapan.

Peruntukan wang yang disediakan bagi Rancangan Makanan Tambahan pada tahun 1983 adalah 4.8 juta Ringgit, iaitu 4.3 bagi Rancangan Makanan Tambahan biasa dan 0.5 juta Ringgit bagi Projek Susu Sekolah. Peruntukan wang yang akan diberi bagi Rancangan ini pada tahun 1984 akan ditetapkan setelah Dewan ini dapat meluluskan Belanjawan Kementerian Pelajaran.

MAKANAN TAMBAHAN KEPADA MURID-MURID DI SARAWAK

11. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Kenapa murid-murid di Negeri Sarawak tidak dapat menikmati rancangan-rancangan Kerajaan seperti memberi makanan tambahan dan susu seperti murid-murid di Semenanjung.
- (b) Jikalau ini disebabkan oleh kemelesetan ekonomi, adakah Kerajaan akan membetulkan ketidakadilan itu.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Makanan tambahan seperti biasa, iaitu dengan menggunakan bahan-bahan makanan selain daripada susu adalah diteruskan di sekolah-sekolah bilangan muridnya 200 orang atau kurang daripada 200

orang murid, sebagai suatu usaha sementara, termasuk di Negeri Sarawak pada Penggal Ketiga Persekolahan 1983. 12.7% atau 27,000 orang murid Sekolah Rendah di Negeri Sarawak adalah diberi makanan tambahan pada tahun ini, berbanding dengan 11.1% di Semenanjung Malaysia dan 13.2% di Negeri Sabah. Dari 234,800 orang murid yang sedang menikmati makanan tambahan di seluruh Malaysia, peserta-peserta dari Negeri Sarawak adalah sebanyak 11.5%. Dari jumlah peruntukan wang yang sebanyak 4.2 juta ringgit 12.8% atau 540,000 ringgit telah disampaikan kepada Negeri Sarawak.

Pada tahun 1982, 42.6% murid dari Sekolah-Sekolah Rendah di Negeri Sarawak telah terlibat dalam rancangan ini, berbanding dengan 31.3% dari seluruh Semenanjung Malaysia. Negeri itu telah pun diberi 12.8% dari jumlah peruntukan wang yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran bagi Rancangan Makanan Tambahan di seluruh Malaysia.

Projek Susu Sekolah yang sedang dijalankan sebagai Projek Printis adalah suatu strategi baru bawah anjuran bersama Kementerian Pelajaran dan syarikat swasta pengeluar susu. Oleh sebab beberapa masalah dari segi pengeluaran, pengangkutan serta pengagihan susu tidak dapat diatasi. Projek Susu Sekolah belum diperluaskan ke semua sekolah pada peringkat ini.

PERSYARIKATAN MALAYSIA

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan konsep Persyarikatan Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmed): Soalan yang sama

telah pun saya jawab di Dewan ini pada 25 Oktober 1983 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KOPERASI KOSATU—SIASATAN PENYELEWENGAN

14. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kemajuan yang dicapai oleh pihak Polis dalam siasatan mereka ke dalam aduan yang dibuat oleh seorang pegawai Jabatan Koperatif Wilayah Persekutuan mengenai penyelewengan-penyelewengan dan amalan-amalan curang yang dikatakan telah berlaku dalam Koperasi bernama KOSATU: sebab-sebab mengapa terdapat kelewatan yang begitu panjang dalam menyiapkan siasatan tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Penyiasatan teliti dan mendalam telah dijalankan dalam kes ini dan setelah siap ianya telah dimajukan ke Kamar Peguam Negara untuk mendapat nasihat dari segi undang-undang. Pada 5-4-83 Kamar Peguam Negara telah mengarah bahawa tidak ada tindakan lanjut boleh diambil dalam kes ini oleh kerana tidak ada penyelewengan jenayah telah berlaku.

Mengenai kelambatan kes penyiasatan ini, sukalah saya nyatakan bahawa kes serupa ini bukan saja rumit tetapi memerlukan temuduga ramai saksi-saksi dan penelitian ratusan dokumen. Di samping itu cek-cek yang ternyata dalam laporan odit dan dokumen yang diperiksa terpaksa pula disahkan oleh bank-bank berkenaan.

SOALAN MULUT DAN BERTULIS DI PARLIMEN

17. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab kelambatan jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang diutarakan oleh

Ahli-ahli Parlimen, kadang-kadang sampai lima tahun. Mengapakah jawapannya tidak diberikan pada mesyuarat yang sama, sejajar dengan cogan kata "Bersama-sama ke arah kemajuan". Bolehlah beliau mengesyorkan bahawa soalan mulut yang tidak dijawab di dalam Dewan pada sesuatu hari adalah dijawab secara bertulis kesemuanya pada hari yang sama.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat harus maklum, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 24 (6), jawapan-jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang tidak dapat dijawab dalam Dewan hendaklah dimasukkan ke dalam Penyata Rasmi Mesyuarat. Jawapan-jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan bertulis pula dikumpul dan dijadikan buku-buku kecil soal-jawab bercetak apabila semua jawapan-jawapan itu diterima dari kementerian-kementerian. Buku kecil soal jawab ini diedarkan kepada Ahli-ahli sebaik sahaja ia siap.

Saya tidak menafikan terdapat kementerian-kementerian yang menghantar jawapan-jawapan lewat dan menjejaskan usaha menyediakan buku kecil soal-jawab dengan segera, tetapi kelewatan ini tidaklah sebegitu buruk seperti yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kelewatan ini berlaku kerana setengah-setengah pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat memerlukan jawapan-jawapan yang melibatkan angka-angka yang banyak dan maklumat-maklumat yang terperinci. Walau bagaimanapun, kementerian telah pun diingatkan supaya mengemukakan jawapan-jawapan kepada Parlimen dengan segera, dan berkaitan dengan jawapan kepada pertanyaan mulut, hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada hari dijadualkan pertanyaan-pertanyaan itu dijawab di dalam Dewan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1984

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (2hb November, 1983).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN,
1984

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (2hb November, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul dibuka

untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Tampin.

3.34 ptg.

Tuan Omar bin Abdullah (Tampin): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya menyertai perbahasan Belanjawan 1984 dan sudah tentu saya menyokongnya.

Saya menyokong Belanjawan 1984 ini kerana pada hemat saya Belanjawan ini adalah merupakan Belanjawan futuristic dan optimistic tetapi realistic. Saya katakan ianya futuristic dan optimistic kerana strategi Belanjawan 1984 bukan hanya merangkumi tahun 1984 tetapi juga tahun-tahun yang akan datang dan saya yakin ianya akan menjadi asas untuk meletakkan ekonomi negara kita Malaysia ke tahap yang lebih kokoh. Sementara itu saya menyatakan ianya realistic kerana kenaikan cukai barang-barangan seperti yang disenaraikan tidak membebankan golongan berpendapatan rendah khususnya golongan pekerja dan orang-orang di luar bandar. Sektor pertanian masih lagi diberi keutamaan dan peruntukan yang besar masih disediakan untuk mempertingkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Sementara itu ianya merupakan Belanjawan yang menekankan supaya kita berjimat cermat.

Tuan Yang Dipertua, saya tertarik hati kepada keratan ucapan Yang Berhormat Mulia yang menyebut bahawa cadangan untuk menswastakan sebilangan dari bermacam perkhidmatan yang sekarang diselenggarakan oleh Kerajaan akan membantu mengurangkan perbelanjaan Kerajaan". Saya ingin membincangkan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menswastakan perkhidmatan Keretapi

Tanah Melayu bukan sahaja dari segi untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan bahkan juga dari segi bagaimana penswastaan boleh merangsang kegiatan ekonomi negara khususnya pembangunan industri, meningkatkan Keluaran Kasar Negara, meningkatkan mutu khidmatan yang diswastakan dan juga untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian.

Tuan Yang Dipertua, saya tumpukan kepada Keretapi Tanah Melayu bukanlah kerana saya bekas pegawai Keretapi Tanah Melayu tetapi dari sungutan orang ramai sama ada melalui Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ataupun melalui mass media adalah pasti orang ramai sudah merasa bosan atau merasa sangat-sangat tidak puas hati dengan khidmat Keretapi Tanah Melayu yang tidak pernah memuaskan. Walau bagaimanapun saya yakin pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sejak dahulu lagi telah cuba memperbaiki mutu khidmatnya dengan berbagai cara. Namun begitu tidak banyak dapat diperbaiki kepada koc-koc dan gerabak-gerabak serta lokomotif-lokomotif dan juga landasan yang akan berusia hampir satu kurun ataupun seratus tahun. Yang demikian, sudah tentu tidak ekonomik lagi bagi negara kita mempertahankan keretapi yang ada sekarang. Sementara itu pelaburan Kerajaan untuk Keretapi Tanah Melayu kepada tahun-tahun yang lepas sangatlah kecil jika dibandingkan dengan peruntukan yang sebenarnya yang diperlukan oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Yang Dipertua, sungutan orang ramai menunjukkan bahawa rakyat memerlukan satu sistem keretapi yang cepat, moden, selesa, lumayan, memuaskan dan selamat. Oleh kerana itulah Kerajaan telah meminta "Japan International Co-operation Agency (JICA) mengkaji

bentuk atau sistem keretapi negara Malaysia yang sesuai dengan kemajuan pesat negara kita sekarang ini dan juga kemajuan yang saya yakin akan bertambah pesat lagi pada tahun-tahun 2,000an yang akan datang ini. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan tempoh hari di Dewan yang mulia ini JICA telah mencadangkan satu sistem keretapi laju, landasan kembar, standard gauge, kuasa elektrik yang akan menelan belanja lebih kurang \$11 billion. Kos jangkaan \$11 billion itu merupakan anggaran yang tinggi. Namun begitu Kerajaan tidak harus menolak cadangan itu semata-mata kosnya tinggi. Ini adalah kerana pada pandangan saya kos \$11 billion itu dapat dikurangkan jika Kerajaan meneliti dengan mendalam dalam menentukan gauge ataupun tolok landasan baru yang dicadangkan itu. Walaupun pihak JICA mencadangkan agar landasan baru standard gauge diwujudkan Kerajaan haruslah sedar itulah kos meningkat kerana koc-koc gerabak-gerabak, lokomotif-lokomotif dan landasan yang ada pada hari ini yang berbentuk narrow gauge tidak lagi akan boleh digunakan jika landasan standard gauge diwujudkan. Mungkin landasan kembar (narrow gauge) dapat mengurangkan belanja di samping mengekal kelajuan yang dirancangan iaitu lebih kurang 100 batu sejam kerana teknologi narrow gauge yang ada di dunia sekarang ini mampu untuk mewujudkan kelajuan itu. Sementara itu pengwujudan landasan kembar standard gauge yang sudah tentu lebih baik bolehlah dibuat secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan dapat mengurang atau mengelakkan dari memikul beban kewangan yang besar itu jika keretapi yang baru itu diswastakan di samping mengelak memikul kerugian keretapi yang berterusan. Di samping itu penswastaan adalah selaras dengan

objektif Dasar Ekonomi Baru kita khususnya pencapaian pertumbuhan ekonomi yang tinggi, mengurangkan kemiskinan dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan juga penyusunan semula masyarakat melalui imbangan ekonomi negara.

Tuan Yang Dipertua, saya amat yakin projek keretapi swasta akan mewujudkan peluang niaga yang hebat. Menurut Laporan JICA ianya berupaya menaikkan Keluaran Negara Kasar sebanyak 1.7% sementara Financial Internal Rate of Return ialah lebih kurang 9.4%. Sementara itu ianya adalah selaras dengan dasar industrialisasi berat negara.

Sebagai contoh pembinaan landasan baru akan menyemarakkan industri simen yang sedang dirancang oleh Kerajaan, kuari dan pembinaan koc dan gerabak dalam negeri akan menyemarakkan industri besi dan industri kaitannya, sementara electrification, dengan izin, pula akan membolehkan penggunaan tenaga Gas Asli Cecair yang ada pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, di samping itu keretapi moden swasta membolehkan kita mengimport teknologi keretapi dari negara-negara maju seperti Jepun, Perancis dan Jerman Barat dengan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan berusahasama dengan syarikat-syarikat luar negeri. Usahasama itu juga dapat mengurangkan pengaliran tukaran luar.

Tuan Yang Dipertua, keretapi swasta moden juga membuka peluang niaga kepada usahawan-usahawan Bumiputera sama ada yang besar atau yang kecil. Umpamanya pembekalan bahan binaan, kelengkapan koc-koc dan gerabak, industri alat ganti di samping menjadi kontraktor pembinaan sivil atau mekanikal. Usahawan-usahawan Bumiputera perlulah menyiapkan diri dan Kerajaan perlulah menyusun satu

rancangan yang teliti dalam membantu usahawan-usahawan Bumiputera itu.

Tuan Yang Dipertua, sudah pasti projek keretapi moden akan membuka peluang kerja secara langsung atau secara tidak langsung dengan kenaikan KNK (GNP) dan peluang-peluang kerja ini adalah terbuka kepada orang ramai mengikut bidang masing-masing.

Soalnya, Tuan Yang Dipertua, ialah siapakah di antara kita rakyat Malaysia yang sanggup melabur dalam projek yang besar itu? Saya kira perkara ini tidaklah begitu rumit jika kita menyediakan syarikat-syarikat Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan seperti HICOM, MMC, MSE, PERNAS dan sebagainya dan juga kita menggalakkan syarikat swasta tempatan yang berkeupayaan. Di samping itu mungkin yayasan Kerajaan Negeri juga boleh menjadi pemegang saham jika Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan penggunaan tanah-tanah rizab keretapi sekarang dan menilaikannya mengikut harga pasaran sebagai nilai ekuiti dalam syarikat swasta keretapi yang dicadangkan itu. Sementara itu syarikat baru itu mestilah dibenarkan menubuhkan anak-anak syarikat untuk menyertai perniagaan lain yang menguntungkan seperti Real Estate Development, dengan izin, industri hotel, restoran dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menyentuhkan tentang penyertaan Bumiputera dalam perindustrian. Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana peruntukan yang besar terus diberikan kepada agensi-agensi Kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan untuk membantu Bumiputera di dalam bidang tersebut. Satu soal yang perlu kita fikirkan ialah keberhasilan rancangan-rancangan agensi-agensi Kerajaan itu dalam membantu

Bumiputera untuk menjadi peniaga yang berjaya.

Tuan Yang Dipertua, satu daripada langkah Kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga Bumiputera dalam membekalkan barangan kepada pihak Kerajaan ialah melalui dasar keutamaan yang memberi keutamaan kepada Bumiputera sebanyak 10%, 7%, 5% dan sebagainya melalui Arahan Perbendaharaan 7/74. Saya berpendapat Arahan dan dasar keutamaan ini tidak berapa berkesan dan perlulah dikaji semula. Pembekal Bumiputera tidak mendapat bimbingan seperti kontraktor binaan Bumiputera dan menghadapi banyak masalah. Masalah paling besar ialah masalah mendapat punca bekalan iaitu masalah tiadanya pengimport, pengedar dan stockist Bumiputera. Masalah kedua ialah masalah pasaran terhad kepada pasaran Kerajaan sahaja. Oleh kerana peniaga Bumiputera merupakan orang baru, mereka gagal mendapatkan agency rights atau franchise, dengan izin, kerana telah pun dipegang oleh syarikat-syarikat bukan Bumiputera yang lebih dahulu berniaga daripada mereka.

Tuan Yang Dipertua, apa yang sebenarnya berlaku ialah syarikat Bumiputera menjadi "commission agent" kepada syarikat-syarikat bukan Bumiputera. Syarikat Bumiputera tulin, ramai yang keciwa kerana tidak dapat menandingi syarikat-syarikat Bumiputera "commission agent" yang saya katakan tadi, apatah lagi syarikat bukan Bumiputera.

Tuan Yang Dipertua, masalah ini adalah serius dari segi pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengkaji semula Arahan Perbendaharaan 7/74 itu dan mengadakan langkah-langkah positif untuk membantu peniaga Bumiputera tulin. Saya suka

mencadangkan agar 30% dari peruntukan pembelian barangan satu-satu Jabatan atau agensi Kerajaan itu ditender di kalangan peniaga-peniaga Bumiputera sahaja, di samping kita mengekalkan dasar keutamaan bagi tender-tender yang lain.

Tuan Yang Dipertua, adalah amat penting langkah-langkah teratur diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan rangkaian peruncit Bumiputera di dalam segala sektor perniagaan. Dalam masa yang sama juga tindakan diambil untuk mewujudkan satu rangkaian pengedar dan pengimport Bumiputera. Cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melatih kakitangan Kerajaan Bumiputera Kategori C sebagai peruncit adalah amat baik dan perlulah disegerakan perlaksanaannya. Sementara itu agensi-agensi Kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan untuk mencapai matlamat mewujudkan peruncit Bumiputera seperti PERNAS EDAR dan sebagainya perlulah membantu dan mempergiatkan lagi usaha-usaha berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, saya juga suka merayu agar Kerajaan menubuhkan satu badan seperti Pusaka Bumi (yang ditubuhkan untuk membantu kontraktor-kontraktor Bumiputera) untuk membantu peniaga-peniaga Bumiputera yang telah saya sebutkan tadi. Antara tugas-tugas utama badan itu ialah untuk mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga Bumiputera dewasa ini dan kalau boleh mencari atau mengemukakan alternatif penyelesaian di samping mengadakan rancangan latihan yang berkesan untuk mewujudkan peniaga-peniaga Bumiputera yang betul-betul berjaya.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh tentang rancangan bekalan air dan elektrik Kerajaan di luarbandar kerana masih banyak lagi kampung-kampung belum mendapat

bekalan air dan elektrik. Di kawasan Parlimen Tampin khususnya di Gemas, masalah bekalan air merupakan masalah tahunan yang tradisional apabila musim kemarau tiba. Rakyat merasa gelisah dan hilang kesopanan apabila tiada bekalan air. Saya sangat-sangat berharap perkara ini dapat diselesaikan secara muktamad dan kawasan Gemas diberikan keutamaan khas dalam rancangan Kementerian berkenaan.

Sementara itu juga saya berharap pihak Lembaga Letrik Negara akan mengambil tindakan positif dan segera untuk mengatasi masalah ketidakcukupan kuasa elektrik di banyak kampung-kampung kerana jika kita memberi kemudahan kepada rakyat adalah amat perlu kemudahan-kemudahan itu betul-betul sempurna.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh tentang langkah Kerajaan untuk berjimat-cermat, saya ingin menyentuh dan meminta Kerajaan memberi tumpuan yang khusus kepada pengurusan bekalan dan setor Jabatan-jabatan Kerajaan. Ini adalah kerana hampir \$20,000 juta dari peruntukan perbelanjaan telah dibelanjakan untuk membeli bekalan, peralatan alatganti dan sebagainya, dan adalah dianggarkan lebih kurang \$2,000 juta wang Kerajaan pada satu-satu masa terikat dalam bentuk harta benda, alatganti dan sebagainya di setor-setor Kerajaan. Tentulah kita merasa gusar dan bimbang jika ada di antara barang-barang ini menjadi buruk, usang dan "obsolete" dengan izin, dan tidak dapat digunakan akibat pengurusan yang tidak efficient. Jika kita mengandaikan kadar efficiency Bahagian Bekalan Kerajaan dapat dipertingkatkan sebanyak 10%, maka penjimatan punca kewangan negara ialah lebih kurang \$200 juta setahun. Pembelian berlebihan seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar tempoh hari membazirkan modal atau wang

Kerajaan, sementara pembelian terkurang pula boleh mengakibatkan tidak ada stok dan ini juga merugikan Kerajaan kerana, kerja-kerja akan tergendala dan kos meningkat. Sementara itu yang lebih penting lagi ialah barang-barang yang dispesifikasikan ialah barang yang sebenar-benarnya dikehendaki.

Malangnya, Tuan Yang Dipertua, sikap dan pandangan pengurusan badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan ke atas peranan dan kepentingan jabatan bekalan masing-masing pada hari ini tidaklah begitu memuaskan. Bahagian Bekalan dan Stor telah diketepikan dan dianggap tidak penting atau, dengan izin, influential. Pegawai-pegawainya tidak diberi latihan yang khusus atau profesional. Sementara bentuk stor Kerajaan atau kemudahan yang ada di stor-stor Kerajaan ini adalah sangat dhaif dan ini boleh menimbulkan kerugian yang besar kerana barang-barang itu akan menjadi rosak dan tidak boleh digunakan lagi. Oleh yang demikian saya sukalah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memberi keutamaan kepada sektor ini dengan mengadakan latihan-latihan profesional dan memberikan peruntukan yang lebih kepada Bahagian Bekalan supaya sistem pengurusan stor ini dapat dipermodenkan lagi umpamanya dengan mengadakan kemudahan komputer dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, sekian dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1984 ini diterima.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

3.53 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Bismillahir-rahmanir-rahim. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah dapat bersama-sama

membahaskan Belanjawan 1984 yang mana telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sejumlah wang sebanyak \$27,662 juta dan daripada pecahan wang tersebut diperuntukkan \$19,016 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$8,676 juta adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Dari segi ini mengikut sektor pula \$1,869 juta adalah diuntukkan bagi ekonomi dan \$4,894 juta diuntukkan kepada sosial. Begitu juga \$3,365 juta diuntukkan kepada pelajaran dan \$956 juta kepada kesihatan. Sejumlah \$3,755 juta adalah untuk pertahanan dan keselamatan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Sesungguhnya, Tuan Yang Dipertua, saya suka merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan dasar Belanjawan 1984 ini iaitu mengenai strategi ataupun matlamat Belanjawan 1984:

- (1) memperbaiki dan mengukuhkan lagi imbangan pembayaran Negara.
- (2) memperkemas dan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan supaya Perbelanjaan Mengurus dan lebih-lebih lagi Perbelanjaan Pembangunan disesuaikan dengan sumber-sumber Negara yang ada.

Tuan Yang Dipertua, daripada maklumat itu dapat kita menyimpulkan bagaimana rakan-rakan saya di dalam Barisan Nasional yang telah memberi ucapan bahawa Belanjawan ini dapatlah kita simpulkan iaitu merupakan satu belanjawan yang dapat menyakinkan rakyat yang membuktikan bahawa Kerajaan ingin mengurangkan

perbelanjaan, dan yang kedua, oleh kerana belanjawan ini merupakan satu belanjawan yang realistik, optimis serta berjaga-jaga maka ianya adalah akan diterima oleh semua golongan rakyat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, keteguhan ekonomi negara kita adalah bergantung kepada hasil eksport barang-barang keluaran utama negara kita seperti getah, bijih timah, kayu, kelapa sawit serta lain-lain. Eksport dagangan mengikut apa yang diramalkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bagi tahun 1984 ini bolehlah diharapkan, tetapi keadaan ekonomi dunia yang akan terus berlaku pada tahun 1985 dan 1986 masih belum dapat ditentukan. Maka oleh itu pembayaran negara memanglah perlu sekali diseimbangkan.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat selain daripada apa yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada barisan Kerajaan yang telah lalu walau bagaimana baiknya, walau bagaimana teratur atau begitu kemasnya atau begitu logiknya Anggaran Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu satu sahaja yang saya bimbangkan iaitu dari segi kemampuan jentera Kerajaan di mana jentera Kerajaan kita sama ada jentera Kerajaan ataupun badan-badan berkanun Kerajaan yang akan mengendalikan ataupun yang akan membelanjakan ataupun dalam lain-lain perkataan yang akan menguruskan wang negara ataupun wang rakyat ini yang diperuntukkan kepada semua Kementerian-kementerian, kepada semua badan-badan berkanun itu sendiri adakah mampu dalam mereka itu menjalankan tugas, menjalankan jentera Kerajaan benar-benar mengikut aturan dan peraturan yang sebenarnya supaya penggunaan wang negara itu tidak diselewengkan.

Tuan Yang Dipertua, dalam menjalankan jentera Kerajaan untuk pembangunan rakyat dan untuk pembangunan negara bolehlah kita simpulkan cara pentadbiran jentera Kerajaan kita dengan dipandu atau diteraju oleh Perdana Menteri kita dengan dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-menteri Kabinet Kerajaan Pusat beserta dengan staff atau kakitangannya. Begitu juga kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang diketuai oleh Menteri Besar dan juga Ketua Menteri bersama dengan staff atau kakitangannya.

Mereka itu bolehlah kita katakan sebagai pembuat utama dasar untuk menguruskan kuasa-kuasa itu kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan untuk melaksanakannya. Terserahlah kepada kebijaksanaan Ketua-ketua Setiausaha di Kementerian-kementerian, Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Pengarah ataupun Pengerusi-pengerusi di dalam sesuatu badan bagi melaksanakan wang yang diperuntukkan kepada mereka untuk dibelanjakan sepanjang tahun dalam tahun 1984 nanti.

Tuan Yang Dipertua, dalam memperkatakan soal Belanjawan Negara ini kita terpaksa menoleh ke belakang iaitu sejarah yang berlaku di dalam tahun-tahun yang sudah, bolehlah kita ambil contoh pada tahun 1982 atau 1983 yang akan berlaku ini, satu sejarah yang barangkali sangat pahit ataupun sangat sedih bagi kita rakyat Malaysia ialah mengenai keadaan wang yang telah diselewengkan oleh mereka yang berkuasa di dalam Bumiputera Malaysia Finance, hampir \$2 billion wang yang telah dicurahkan ke negara luar, bukan negara Malaysia yang semuanya telah diketahui oleh umum. Saya rasa inilah suatu sejarah yang amat pahit bagi negara kita atau sejarah dunia bagi Malaysia ini dari segi ekonomi dan dari segi kewangan

negara kita di mana kalau kita memikirkan, sekiranya tiap-tiap satu juta wang itu diberikan pinjam kepada seorang usahawan bumiputera, maka kita akan dapat membantu sebanyak 2,000 orang usahawan untuk kita majukan di dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan bagi kita mencapai 30% setelah tamatnya Dasar Ekonomi Baru kita.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, saya sangat menyokong usul ataupun ucapan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Jasin yang telah berucap beberapa hari yang telah lalu di mana ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengadakan satu badan penyiasat yang bebas serta membuat satu Kertas Putih untuk menerangkan kedudukan yang sebenar berkenaan dengan BMF ini sangatlah disambut baik oleh rakyat. Kerana sikap tegas Perdana Menteri ini terang-terang telah kita dapat ikuti daripada apa yang diberikannya di dalam akhbar, beliau merasa amat malang sekali iaitu dalam pepatah bahasa Melayu "Harapkan pagar, pagar makan padi".

Di sini, Tuan Yang Dipertua, dapatlah kita memaklumkan bahawa mereka yang telah menyalahgunakan kuasa itu adalah orang-orang yang begitu rapat dengan Perdana Menteri, begitu baik dengan Perdana Menteri kita, tetapi malangnya sanggup mereka itu melakukan sesuatu yang di luar dugaan dan kita mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri kerana walaupun sahabat, walaupun saudara, walaupun kawan, beliau di dalam menjalankan tugas tidak memilih bulu, bahkan mereka yang bersalah tetap akan diambil tindakan. Jadi dengan ini, Tuan Yang Dipertua, pihak Pembangkang saya rasa tidak perlu untuk berkokok kuat di dalam Parlimen ini kerana kekuatan ataupun keupayaan Kerajaan kita, khususnya Perdana Menteri kita dan Kerajaan kita adalah mampu untuk mengambil

apa juga tindakan dan sebarang langkah bagi menjaga kepentingan rakyat di dalam negara kita yang merdeka dan yang berdaulat ini.

Tuan Yang Dipertua, mereka yang berkuasa, yang memegang jawatan yang boleh menggunakan kuasa daripada apa yang berlaku di dalam sejarah negara kita ini, sama ada yang saya sebutkan tadi ataupun dalam Badan-badan Berkanun seperti yang kita dengar, seperti penyelewengan di dalam RISDA dan yang lain-lain yang kita tidak dapat tahu, harus mempunyai perasaan insaf dan patutlah merujuk kepada sesuatu yang berlaku itu menjadi contoh supaya tidak dilakukan lagi. Tetapi malangnya sesuatu perkara yang berlaku itu akan berlaku lagi, oleh kerana ada di antaranya mereka yang berkuasa itu, bukanlah semua, tetapi barangkali sebilangan kecil tidak mahu mengambil contoh di atas sejarah, di atas sesuatu perkara yang dilakukan itu merosakkan kepentingan negara dan kepentingan rakyat, sepatutnya tidak mengulangi perkara itu dilakukan lagi.

(Tuan Shamsuri bin Md. Salleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang Dipertua, kita telah disarankan oleh pucuk pimpinan negara kita, pucuk pimpinan Kerajaan dengan berbagai-bagai congankata untuk diamalkan. Umpamanya, dalam usaha Perdana Menteri kita meletakkan sesuatu asas yang berkehendakkan kita keseluruhannya mestilah mengamalkan dasar "Bersih, Cekap dan Amanah", kemudian ditonjolkan pula dengan suatu congankata untuk dilaksanakan iaitu yang dikatakan "Kepimpinan Melalui Tauladan" dan ditambah pula sesuatu yang begitu konkrit, sesuatu yang begitu kuat terutama sekali kepada pegawai-pegawai ataupun mereka yang berkuasa, sama ada dalam

Kerajaan ataupun Badan Berkanun ialah dasar Kerajaan kita untuk menerapkan atau "Penerapan Islam di dalam Pentadbiran Kerajaan". Tetapi agak malang, Tuan Yang Dipertua, ada di antaranya kita orang-orang Melayu, pegawai-pegawai yang berkuasa sama ada dalam Kerajaan atau Badan Berkanun yang batang tubuhnya dikatakan orang Melayu dan beragama Islam sanggup menjadi pengkhianat kepada agamanya sendiri dan bangsanya sendiri.

Catatan sejarah ini akan tercatat dan akan dikenang oleh jenerasi yang akan datang setelah mereka itu mati dan meninggalkan dunia ini, dunia akan terus berjalan hingga kiamat, tetapi kesalahan mereka yang mereka lakukan sebagai seorang Islam yang tidak ada berperasaan "Bersih, Cekap dan Amanah" yang tidak menjadikan dirinya sebagai "Kepimpinan Melalui Tauladan" yang tidak ada langsung perasaan Islam di dalam jiwanya akan dikenang oleh rakyat di dalam negara ini sebagai satu pengkhianat agama dan bangsa di dalam negaranya sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya kurang faham ataupun tidak faham kenapa dan mengapa perkara-perkara yang seumpama ini berlaku oleh sebab setahu kita semua bahawa Kerajaan ataupun Badan Berkanun yang kita adakan itu begitu baik sekali memberi layanan kepada semua pihak yang berkuasa, kepada semua mereka yang berjawatan tinggi dan memegang sesuatu kuasa yang besar sama ada Kerajaan ataupun Badan Berkanun, dengan gaji yang begitu lumayan, dengan berbagai-bagai kemudahan yang diperuntukkan kepada mereka itu masih lagi tidak merasakan cukup, seolah-olah dapat kita memahamkan bahawa manusia jenis ini untuk sebulan dapat \$5,000 tidak cukup, untuk \$10,000 tidak cukup, \$100,000 pun tidak cukup, \$1 juta sebulan pun tidak cukup. Jadi saya tidak faham

kenapa dan mengapakah ianya sanggup melakukan dirinya seumpama itu.

Tuan Yang Dipertua, sekarang ini saya ingin membawa masalah ini kepada kita untuk bersama difikirkan, dan saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya memikirkan perkara ini, masalahnya yang ada di hadapan kita sekarang ini supaya kejadian-kejadian penyelewengan yang mana Perbendaharaan ataupun Kerajaan kita di bawah kebijaksanaan Kementerian Kewangan serta pegawai-pegawai yang telah memerah otak mereka siang dan malam, kerana setahu saya pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan ini bukan sahaja bekerja siang, malam pun mereka bertugas untuk menyiapkan Laporan Kewangan, Laporan Ekonomi dan sebagainya. Tetapi apabila perkara itu telah siap dengan begitu rupa diserahkan kepada kita untuk menjalankan tugas, sebaliknya ada yang menyeleweng daripada yang ditugaskan.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Perdana Menteri mengambil sesuatu langkah untuk menerapkan nilai-nilai Islam supaya mereka itu mempunyai amanah dan tanggungjawab yang benar-benar kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan sama ada Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha setiap Kementerian, Ketua Jabatan atau Ketua-ketua Pengarah dan sebagainya, terutama sekali orang Melayu yang beragama Islam, terutama sekali yang tinggal di kawasan ibu kota dan Wilayah Persekutuan ini supaya dibuat suatu kursus sama ada kursus ataupun suatu Kuliah Subuh sebelum mereka pergi bermain golf pada hari Ahad itu, pagi-pagi Ahad itu pukul 5.30 selepas sembahyang subuh itu diasah, diajar betul-betul dengan cara agama Islam. Barangkali oleh kerana mereka itu

leka dengan tugas masing-masing, apatah lagi di antaranya, bukanlah semua, barangkali ada pegawai Melayu kita namanya sahaja Islam, Islam baka, tetapi Mengucap pun ada yang tidak tahu, sembahyang tidak pernah langsung, manalah dia hendak tahu cara-cara kita kata hendak penerapan Islam-penerapan Islam.

Jadi dengan adanya saya cadangkan ini, kalau sesuai, sama ada kursus ataupun kuliah subuh, tanamkan semangat kalau sekiranya kita ini beragama Islam, apabila kita mempunyai kuasa sebagai seorang Melayu mesti kita ingat, adakah sesuatu yang kita lakukan itu akan merosakkan maruah, agama dan bangsa kita. Sekiranya sesuatu perkara itu yang kita hendak luluskan ataupun yang kita benarkan perkara itu boleh menjatuhkan maruah kita, boleh menjatuhkan bangsa Melayu kita, boleh memalukan negara kita, boleh menyusahkan Perdana Menteri dan Kerajaan kita, janganlah kita lakukan, senang sahaja, bukannya susah, tidak susah.

Tuan Yang Dipertua, itulah sebabnya saya mencadangkan tadi sekiranya mereka itu hendak ditanamkan dengan semangat nilai-nilai Islam, tidak cukup setakat kita melaung-laungkan di suratkhbar, tidak cukup kita menegaskan penerapan Islam kepada Kerajaan, bahkan mestilah kita laksanakan, sama ada di peringkat Pusat ataupun di peringkat Kerajaan Negeri, eloklah perkara ini dilaksanakan kerana dengan cara ini saya fikir dapatlah satu jalan bagi kita memandu pegawai-pegawai tinggi kita yang begitu berkuasa di dalam negara ini untuk kepentingan rakyat dan negara ini supaya mereka itu tidak lagi melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh meruntuhkan Kerajaan kita ataupun boleh menghilangkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan yang memerintah.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu, itu adalah secara agama Islam, tetapi secara hakikatnya, secara dunia, secara undang-undang, saya berharap kepada Jabatan Peguam Negara, sama ada Jabatan Perdana Menteri dan sebagainya supaya memperketatkan lagi segala undang-undang yang ada, sama ada undang-undang itu untuk kepentingan Kerajaan, kepentingan Badan Berkanun, kepentingan bank dan sebagainya supaya mengkaji. Undang-undang itu perlu diperkemas, janganlah sampai apabila seseorang itu telah melakukan kesalahan, mereka telah meletakkan jawatan dan kesalahannya hilang begitu sahaja setelah mereka itu mengambil kesempatan faedah dirinya yang boleh dikatakan berjuta-juta ringgit yang sepatutnya tidak dimaafkan. Maka saya berharap selain daripada penerapan Islam, penerapan undang-undang juga perlu diperketatkan kerana manusia ini kalau tidak dikawal dengan undang-undang selalunya mereka itu akan melakukan sesuatu untuk kepentingan diri.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, buat akhirnya saya suka menyebut ataupun menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara yang saya fikir penting yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di dalam ucapannya yang mana di dalam Belanjawan ini ada peruntukan, iaitu satu perkara yang besar berkenaan dengan perumahan kos rendah yang dianggarkan sebanyak \$340 juta peruntukan bagi menampung kira-kira 25,600 unit rumah. Patutlah dipuji dan disokong kerana rakyat sekarang ini begitu perlukan rumah daripada semasa ke semasa, bukan sahaja rakyat biasa tetapi daripada kakitangan Kerajaan juga perlu dibantu untuk mendapatkan rumah, kerana saya difahamkan bagi pegawai-pegawai Kerajaan kita yang bergaji,

umpamanya sederhana ataupun rendah agak susah untuk membeli rumah dan untuk menyewa rumah pula, umpamanya di Ibukota ini sendiri tidak kurang daripada \$300, \$400 manalah sanggup ataupun bagaimanakah mereka itu untuk menjalankan tugas harian sebagai jentera Kerajaan dengan baik sekiranya keadaan kehidupan mereka sehari-hari itu sentiasa, bak kata orang apabila cukup bulan menerima gaji \$1,000; bayar sewa rumah \$400, bayar ansuran kereta \$200, bayar insuran yang lain-lainnya \$200, \$300, tinggalah \$50 yang ada di dalam kocek, jadi manalah cukup. Dengan kerana itu barangkali oleh kerana hendak mencari pendapatan yang lain oleh kerana kesusahan mereka itu mendapatkan rumah dan sebagainya, maka.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, tidak ada koram.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, sila duduk, Tuan Setiausaha, sila bilang. 15—tak cukup. Sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir)

Tuan Lim Kit Siang: Tak cukup koram. Majlis ditangguhkan sehingga hari Isnin.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Kita bunyi loceng sekali lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Tak boleh second call. Ikut Peraturan tidak ada, mahu tangguh sehingga hari Isnin. Banyak orang Ahli Parlimen Barisan Nasional semua pergi tidur, mana ada koram?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: DAP pun tidak ada!

Tuan Lim Kit Siang: Oh, Seremban by-election? *(Disampuk)* Tak apa, tangguh dahulu!

11705

3 NOVEMBER 1983

11706

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Panggil seorang lagi, panggil seorang lagi!

Tuan Lim Kit Siang: Tak boleh, habis tangguh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Panggil seorang lagi!

Tuan Lim Kit Siang: Patuh!

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang, 7hb November, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.18 petang.